

31 OCT 2003

Laporan-Pembangkang

PEMUDA PEMBANGKANG BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Pemuda PAS dan Keadilan hari ini membuat laporan polis mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad melakukan 67 salahlaku dan salahguna kuasa semasa menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohd Noor dan Ketua Dewan Pemuda PAS, Salahuddin Ayub membuat laporan itu di Balai Polis Dang Wangi di sini pada 5.20 petang.

Pada sidang media di hadapan balai itu kemudiannya, mereka menggesa Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya menjalankan siasatan terhadap Dr Mahathir.

Dr Mahathir melepaskan jawatannya mulai hari ini selepas menjadi Perdana Menteri sejak Julai 1981.

Antara dakwaan kedua-dua parti pembangkang itu ialah Dr Mahathir menyekat penyiasatan atau pendakwaan ke atas kroni-kroni kanan Barisan Nasional (BN) selain melambatkan proses siasatan dalam kes Perwaja dan BMF serta penyelewengan dana-dana awam untuk membantu syarikat-syarikat tertentu.

Ezam dan Salahuddin juga mendakwa Dr Mahathir menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), OSA dan Akta Cetak dan Mesin Cetak bagi tujuan politik BN.

Mereka seterusnya mendakwa Dr Mahathir mempengaruhi integriti dan kebebasan kehakiman seperti dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kes bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

-- BERNAMA

MRA AHH MOZ